

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**DARIPADA : YB CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA  
(BATU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23.11.2016 (RABU)**

**SOALAN :**

YB Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jika terdapatnya syor-syor Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) yang telah ditolak oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli (JKKHTOA) ini, sila terangkan sebab-sebab lanjut syor-syor ini ditolak.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli (JKKHTOA) tidak menolak sebarang syor SUHAKAM. JKKHTOA meneliti kesemua syor-syor yang dikemukakan oleh Jemaah Menteri.

Daripada 18 syor yang dikemukakan oleh SUHAKAM, hanya 17 syor yang telah dipersetujui Jemaah Menteri. Syor ke-18 iaitu mengenai penubuhan Suruhanjaya Kebangsaan Mengenai Orang Asal/Asli telah ditolak memandangkan terdapat negeri-negeri yang telahpun mempunyai mekanisme khusus bagi menangani isu tanah Orang Asal/ Asli.

Sekian, terima kasih.